



**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS)

(PINDAAN TAHUN 2010)

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E
62505 PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8883 6530 / 6456
 +603 – 8884 5474
NO. FAKS : +603 – 8883 6569**

Senarai Kandungan

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Fundamental	3
1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan Fundamental	3
1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan Fundamental	3
1.4 Bidang Penyelidikan	3
1.5 Syarat-syarat Permohonan	4
1.6 Peraturan Permohonan	5
1.7 Kriteria Penilaian	6
1.8 Peraturan Kewangan	6
1.9 Hasil Penyelidikan	9
1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	9
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	10
2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental	10
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	11
3.1 Implementasi Projek	11
3.2 Pengawalan Projek	11
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	13
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	13
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	13
5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT/Berpindah IPT	13

BAHAGIAN 1

PERMOHONAN

1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dapat menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Penyelidikan Fundamental merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu.

1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Penyelidikan ini bertujuan untuk menggalakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru dan penciptaan yang inovatif yang boleh mengembangkan sempadan ilmu.

1.4 Bidang Penyelidikan

Pembiayaan geran FRGS meliputi bidang-bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Bidang-bidang yang dikenalpasti adalah:-

- A. Sains Tulen (*Pure Science*)
- B. Sains Gunaan (*Applied Science*)
- C. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- D. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- E. Sains Sosial (*Social Sciences*)
- F. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- G. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)

1.5 Syarat-Syarat Permohonan

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dan IPTS dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.5.1 Warganegara Malaysia; dan
- 1.5.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- 1.5.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- 1.5.4 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- 1.5.5 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - 1.5.5.1 Ketua Penyelidik boleh bukan warganegara Malaysia dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia.
 - 1.5.5.2 Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara.
- 1.5.6 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- 1.5.7 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan Fundamental pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus.
- 1.5.8 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.
- 1.5.9 Setiap Projek Penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam RMK-9. Sehubungan dengan itu, bagi:-

(i) Projek tiga (3) tahun

- disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang pelajar Ph.D atau dua orang pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

(ii) Projek dua (2) tahun:-

- disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang pelajar Sarjana.

1.5.10 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

1.5.11 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.6 Peraturan Permohonan

1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental perlu menggunakan **Borang FRGS - A1(R)** - (Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental) yang terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

1.6.2 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5) di atas.

1.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia FRGS, KPT bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dihantar ke KPT.

1.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 Kriteria Penilaian

- 1.7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 1.7.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 1.7.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejangat; atau
- 1.7.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.8 Peraturan Kewangan

1.8.1 **Vote 11000**

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- 1.8.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2000 untuk pelajar Ph.D dan RM1500 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.8.2 **Vote 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan

- 1.8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- 1.8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-
 - Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti

persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak RM15,000 atau 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan atau yang mana lebih kecil.

1.8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

1.8.3 Vote 24000

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.8.4 Vote 27000

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

1.8.5 Vote 28000

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

1.8.6 Vote 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

Vote ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10% dari peruntukan Geran.

1.8.7 Vote 35000

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

1.9 Hasil Penyelidikan

1.9.1 Penerbitan

Semua penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berwasit. Penghargaan kepada geran FRGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

1.9.2 Hak Harta Intelek

1.9.2.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran FRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek hasil geran FRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.

1.9.2.2 Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPT.

1.9.3 Hasil Pengkomersialan

1.9.3.1 Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

1.9.3.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada.

1.9.3.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersialan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN

2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental

- 2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental IPT akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 2.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Fundamental yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPT untuk diluluskan.
- 2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 Implementasi Projek

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental IPT perlu dipantau dari aspek:-

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan.

3.2 Pengawalan Projek

3.2.1 Tiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia FRGS, KPT laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan FRGS yang terdiri daripada:-

(i) **Borang FRGS - P1(R)**

- Laporan Prestasi projek penyelidikan fundamental di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);
- untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
- perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing

(ii) **Borang FRGS - P2(RMC)**

- Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- dihantar kepada Urus Setia FRGS, KPT sebelum 15 Februari dan 15 Ogos setiap tahun;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak tiga (3) salinan; dan

- perlu disertakan bersama-sama Borang FRGS-P1(R), FRGS-K1(RMC) dan FRGS-K2(RMC).

(iii) Borang FRGS - K1(RMC)

- Ringkasan Prestasi Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama-sama dengan Borang FRGS-P2(RMC).

(iv) Borang FRGS - K2(RMC)

- Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama - sama dengan Borang FRGS-P2(RMC).

- (v) Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format IPT masing-masing.

3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*/bulanan/ atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

3.2.3 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pengurusan penyelidikan setiap IPT.

3.2.4 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan FRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk FRGS.

BAHAGIAN 5

LAIN-LAIN

Lain - Lain Hal

5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT / Berpindah IPT

Geran Penyelidikan Fundamental diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap IPT tersebut akan digunapakai.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA FRGS
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E
62505 PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8883 6530 / 6456
 +603 – 8884 5474
NO. FAKS : +603 – 8883 6569**